# WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

# *FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE*

19 Disember 2025
*19 December 2025*
P.U. (A) 444

## KAEDAH-KAEDAH KUMPULAN WANG SIMPANAN PEKERJA (PINDAAN) (NO. 3) 2025

## *EMPLOYEES PROVIDENT FUND (AMENDMENT) (NO. 3) RULES 2025*

DISIARKAN OLEH/
*PUBLISHED BY*
JABATAN PEGUAM NEGARA/
*ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS*

AKTA KUMPULAN WANG SIMPANAN PEKERJA 1991

KAEDAH-KAEDAH KUMPULAN WANG SIMPANAN PEKERJA (PINDAAN) (NO. 3) 2025

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 73 Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja 1991 [*Akta 452*], Lembaga membuat kaedah-kaedah yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Kaedah-kaedah ini bolehlah dinamakan **Kaedah-Kaedah Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (Pindaan) (No. 3) 2025**.

(2) Kaedah-Kaedah ini mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2026.

**Pindaan kaedah 41**

2. Kaedah-Kaedah Kumpulan Wang Simpanan Pekerja 1991 [*P.U. (A) 493/1991*] dipinda dalam kaedah 41 dengan memasukkan selepas subkaedah (10ZP) subkaedah yang berikut:

"Ahli Kumpulan Wang mempunyai kredit melebihi satu juta ringgit.

(10ZQ) Jika notis pengeluaran dibuat di bawah perenggan 54(6)*(i)* Akta atas alasan bahawa ahli Kumpulan Wang mempunyai kredit yang melebihi satu juta ringgit dalam akaunnya, ahli Kumpulan Wang itu hendaklah, pada bila-bila masa, mengemukakan notis pengeluaran itu kepada Lembaga mengikut apa-apa cara sebagaimana yang ditentukan oleh Lembaga.

(10ZR) Jika Lembaga berpuas hati dengan notis pengeluaran yang dikemukakan oleh ahli Kumpulan Wang itu di bawah subkaedah (10ZQ), Lembaga boleh membenarkan ahli Kumpulan Wang itu untuk mengeluarkan suatu amaun yang melebihi apa-apa had kredit sebagaimana yang ditentukan oleh Lembaga pada tarikh notis pengeluaran itu diterima oleh Lembaga.".

Dibuat 17 Disember 2025
[MOF.SBM(R)600-41/39/91 Jld. 4; PN(PU2)498/JLD.20]

TAN SRI DATO’ SERI MOHD ZUKI BIN ALI
*Pengerusi*
*Lembaga Kumpulan Wang Simpanan Pekerja*

EMPLOYEES PROVIDENT FUND ACT 1991

EMPLOYEES PROVIDENT FUND (AMENDMENT) (NO. 3) RULES 2025

IN exercise of the powers conferred by section 73 of the Employees Provident Fund Act 1991 [*Act 452*], the Board makes the following rules:

**Citation and commencement**

1. (1) These rules may be cited as the **Employees Provident Fund (Amendment) (No. 3) Rules 2025**.

(2) These Rules come into operation on 1 January 2026.

**Amendment of rule 41**

2. The Employees Provident Fund Rules 1991 [*P.U. (A) 493/1991*] are amended in rule 41 by inserting after subrule (10ZP) the following subrules:

"Member of Fund has credit exceeds one million ringgit.

(10ZQ) Where a notice of withdrawal is made under paragraph 54(6)*(i)* of the Act on the ground that a member of the Fund has a credit which exceeds one million ringgit in his account, the member of the Fund shall, at any time, give such notice of withdrawal to the Board in accordance with any manner as determined by the Board.

(10ZR) Where the Board is satisfied with the notice of withdrawal submitted by the member of the Fund under subrule (10ZQ), the Board may authorize such member of the Fund to withdraw an amount in excess of any credit limit as determined by the Board on the date of the notice of withdrawal is received by the Board.".

Made 17 December 2025
[MOF.SBM(R)600-41/39/91 Jld. 4; PN(PU2)498/JLD.20]

TAN SRI DATO' SERI MOHD ZUKI BIN ALI
*Chairman*
*Employees Provident Fund Board*